

Bil.(21)dlm.PTG.SEL. 41/2 Jld. 1

15 September, 2000

Semua Pentadbir Tanah,  
**Negeri Selangor.**

Tuan,

**Arahan PTG.BIL-2/2000**

**Garis Panduan Dalam Memperakukan Pengurangan Bayaran Premium Bagi Kelulusan Pemberimilikan Tanah Dan Tukar Syarat Tanah**

---

Dengan hormatnya merujuk kepada Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kutipan Hasil Negeri Selangor yang bersidang pada 22.3.2000 dan diantaranya menyatakan terdapat Pegawai Daerah yang mengesyorkan di dalam Kertas EXCO supaya rayuan pengurangan bayaran premium itu ditolak tanpa alasan yang munasabah.

2. Sehubungan dengan ini, pejabat ini telah menyediakan satu garis panduan mengenainya dan telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Premium pada 29.7.2000 yang menyetujui sepertimana berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Alasan/Sebab</b>	<b>Peratusan Pengurangan Yang Akan Diperakukan</b>
1.	Golongan yang kurang mampu seperti pendapatan rendah/ tanggungan ramai/ bekas pesara/ kegunaan sendiri.	20% / 30%
2.	Sebuah persatuan yang lebih menumpu kepada kebajikan samada orang-orang tua/ miskin anak-anak yatim/ kanak-kanak cacat dan lain-lain	50% / norminal
3.	Kedaaan fizikal kawasan/ tapak/ tanah seperti: (i) Bekas lombong (ii) Paya (iii) Lembah	15% / 20%

Bil.	Alasan/Sebab	Peratusan Pengurangan Yang Akan Diperakukan
4.	Keadaan kegawatan yang dihadapi masa kini dan “bridging loan” dari Bank/ Institusi Kewangan/ kesukaran mendapat “loan”	10% / 20%
5.	50% ke atas di mana disyaratkan pembinaan rumah kos rendah contohnya dalam projek usahasama	15% / 20%
3.	Panduan tersebut bolehlah diambilkira semasa membuat syor/perakuan dalam penyediaan Kertas Ringkasan bagi permohonan pengurangan premium berkenaan.	

Sekian, terima kasih.

**\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA \***

Saya yang menurut perintah,

T.T.  
**( DATO' HJ ZULKIFLI BIN DATO' SHARIFF )**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Edaran dalam :                    Timbalan Pengarah Tanah dan Galian  
    Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Tanah)  
    Penolong Pegawai Tadbir (Tanah)

s.k.     Yang Berhormat,  
    Pegawai Kewangan Negeri Selangor,  
    **Selangor.**

**\* PEKELILING TERBATAL DENGAN PEKELILING BIL. 1/2005**